

Pemetaan Domain Semantik Akidah: Penyelesaian Kekaburuan Makna

The Mapping of Semantic Domain of Aqidah: Solution to the Vagueness of Meaning

Indirawati Zahid (Corresponding author)

Department of Language, Academy of Malay Studies

Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

E-mail: indirawati@um.edu.my

Noorazlin Abu Bakar

Department of Language, Academy of Malay Studies

Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

E-mail: noorazlin@um.edu.my

Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali

Department of Akidah & Islamic Thought, Academy of Islamic Studies

Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

E-mail: wzk_ali@um.edu.my

Kamaruzaman Jusoff

Office of the Deputy Vice-Chancellor

Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Email: kjusoff@um.edu.my

Abstrak

Domain semantik merujuk kepada sekumpulan kata-kata yang berkongsi komponen makna bersama dan terletak dalam satu kawasan yang sama berdasarkan hubungan makna yang dimiliki. Kajian ini bertujuan untuk mengklasifikasikan domain semantik Akidah melalui struktur hubungan makna bagi mengatasi kecaburan makna yang berlaku dalam Kamus Dewan Perdana (KDP) dan al-Mu'jam al-Wasit (MW). Analisis pemetaan domain semantik Akidah dilakukan dengan mengaplikasi kaedah kualitatif dengan kata pinjaman bahasa Arab (BA) dikumpulkan daripada KDP beserta takrifannya dan rujuk silang etimologi dan takrifan dari MW. Pemetaan domain semantik Akidah dibentuk berdasarkan perspektif sarjana Pengajian Islam tempatan yang membahagikan Akidah kepada tiga bahagian, iaitu Ilahiah, Nubuwah & Risalah, dan Sam'iyyat dengan Rukun Iman sebagai asas Akidah. Pemetaan ini distrukturkan berdasarkan tiga hubungan makna, iaitu hipernim,

hiponim dan kohiponim dengan kata-kata BA yang dikenal pasti. Dapatkan memperlihatkan berlakunya hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain melalui hubungan makna polisem dan parafrasa pada takrifan misalnya pada kata baqa, kudrat, qarin, maksum, al-Quran dan mukjizat. Hubungan ini berlaku apabila sesuatu kata dapat berada pada dua tempat yang berbeza pada satu masa yang sama. Kesimpulannya, pemetaan ini memperlihatkan bahawa hubungan makna berlaku dalam subdomain Ilahiyah, Nubuwah & Risalah dan Sam'iyyat. Impaknya, cabaran dalam memahami takrifan Akidah yang kabur pada masa ini telah dapat diatasi dengan peranan ilmu semantik leksikal melalui pemetaan domain semantik. Penyelesaian kecaburan makna Akidah ini dapat menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam akan takrifan Akidah yang merupakan teras terhadap pelbagai aspek dalam kehidupan para pengikut agama Islam.

Kata Kunci: domain semantik Akidah;

kekaburuan makna; hubungan makna; intrasubdomain; intra-sub-subdomain.

Abstract

Semantic domain refers to words that share common semantic properties and are positioned in a specific area based on the semantic relations between them. This study aims to classify the semantic domain of Aqidah through the structure of semantic relations to overcome the vagueness that occurs in Kamus Dewan Perdana (KDP) and al-Mu'jam al-Wasit (MW). A qualitative method with Arabic loanwords (BA) and their definitions were collected from KDP while MW was used to cross-reference the etymology and definitions. BA in the semantic domain of Aqidah is classified based on the perspective of local Islamic Studies scholars, who divided Aqidah into three parts, namely Ilahiah, Nubuwah & Risalah, and Sam'iyyat with the Pillars of Iman as Aqidah's foundation. This mapping is structured by three semantic relations of hypernym, hyponym, and co-hyponym. The findings show intra-subdomain and intra-sub-subdomain relationships which explained the details of the meaning of a word through polysemous meanings and paraphrases such as baqa, kudrat, qarin, maksum, al-Quran and mukjizat. In conclusion, the mapping of the semantic domain of Aqidah shows that semantic relations happened in the three subdomains. As a result, the challenge in understanding the vague definition of Aqidah can be overcome with the role of lexical semantics through mapping the semantic domain. The vagueness solution of the Aqidah can contribute to a deeper understanding of its definition which is the core of various aspects in the lives of the Islam followers.

Keywords: semantic domain of Aqidah; semantic vagueness; semantic relations; intra-subdomains; intra-sub-subdomains.

Pengenalan

Domain semantik merupakan suatu kawasan yang mengandungi sekumpulan kata-kata yang berkongsi komponen makna secara bersama antara satu sama lain bagi merujuk kepada suatu subjek utama. Domain semantik dikenali juga sebagai medan makna. Lehrer (1974) mentakrifkannya sebagai “*group of words closely related in meaning, often subsumed under a general term*”, manakala menurut Nida (1975) pula, “*a semantic domain consist of any set of meanings which share a significant semantic feature in common*”. Kedua-dua takrifan ini saling melengkapi antara satu sama lain dengan maksud sesuatu domain semantik terdiri daripada sekumpulan kata yang berkongsi fitur semantik yang signifikan secara bersama dan seringkali terletak di bawah satu istilah umum. Dalam domain semantik Akidah, perkataan-perkataan di dalam domain ini berkongsi komponen makna bersama yang merujuk kepada kepercayaan. Antara kata-kata tersebut ialah Allah, rasul, rukun iman, kiamat, kitab, qadak & qadar, dan sebagainya. Rajah 1 memperlihatkan beberapa contoh kata yang terangkum dalam domain semantik Akidah.




Rajah 1: Domain semantik Akidah

Berdasarkan Rajah 1, kesemua kata-kata yang terdapat di dalam domain akidah ini

memiliki komponen makna bersama yang dapat digambarkan melalui fitur semantik [+kepercayaan]. Akidah merupakan kata pinjaman bahasa Arab yang ditakrifkan oleh *Kamus Dewan Perdana* (KDP)¹, (2021, 45) sebagai keyakinan atau kepercayaan yang kuat dan kukuh tanpa rasa ragu terhadap Allah serta rukun iman. Takrifan ini merujuk kepada kepercayaan terhadap Allah dan kepercayaan terhadap rukun iman. Sementara itu, secara umumnya *al-Mu'jam al-Wasit* (MW)², (2011, 636) mentakrifkan akidah sebagai suatu hukum yang diyakini tanpa syak oleh orang yang mempercayainya seperti dalam agama, iaitu kepercayaan terhadap kewujudan Allah dan perutusan para rasul.

Takrifan dalam kedua-dua kamus ini memperlihatkan kekaburan makna yang dirujuk, iaitu pertamanya KDP mentakrifkan akidah sebagai kepercayaan kepada Allah serta rukun iman, manakala MW mentakrifkannya sebagai kepercayaan kepada kewujudan Allah dan rasul. Kekaburan makna menurut Brown dan Miller (2013) ialah sifat kata, frasa dan kontruksi sintaks yang maknanya tidak dapat dikenal pasti secara tepat atau penggunaannya dalam konteks tertentu pula tidak mempunyai kesahan secara jelas. Kekaburan takrifan Akidah dalam KDP dapat diperlihatkan seperti dalam Rajah 2.




Rajah 2: Tumpang tindih takrifan Akidah dalam KDP

Rajah 2 memperlihatkan tumpang tindih [+kepercayaan] bagi kata Allah dan rukun iman. Hal seperti ini seharusnya tidak berlaku kerana secara prinsipnya rukun iman telahpun merangkumi kepercayaan kepada Allah dan lima perkara lain, iaitu

malaikat, rasul, kitab, hari kiamat serta qadak dan qadar. Sementara itu, Akidah dalam MW memperlihatkan tumpang tindih antara kata hukum, Allah dan rasul seperti dalam Rajah 3.

¹ KDP ini merupakan kamus bahasa Melayu terbesar dan ter lengkap yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu sebuah badan berkanun yang diberi kuasa autonomi dalam pengembangan bahasa Melayu.

² MW ini merupakan kamus bahasa Arab terbitan *Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah*, iaitu Akademi Bahasa Arab di Mesir yang menjadi pegangan para pelajar bahasa Arab di peringkat pertengahan dan lanjutan universiti.



Petunjuk



Rajah 3: Tumpang tindih takrifan Akidah dalam MW

Berdasarkan Rajah 3, tumpang tindih antara kata hukum dan Allah memperlihatkan pemilikan fitur ketetapan kepercayaan [-syirik]³ atau [-murtad]⁴; sementara tumpang tindih antara kata hukum dan rasul ialah [-kufur]; dan tumpang tindih antara Allah dan rasul ialah [+rukun iman]. Walau bagaimanapun takrifan Akidah daripada MW ini tidak mencakupi keseluruhan kepercayaan dalam rukun iman, sebaliknya hanya berfokus kepada Allah dan rasul sahaja.

Dalam konteks ini, jenis kekaburan yang dikenal pasti adalah kekurangan penentuan pada makna perkataan tersebut, iaitu maknanya kelihatan jelas tetapi perincian maknanya berlaku secara umum sahaja (Kempson, 1991). Kes ini lazim berlaku kerana maklumat makna yang tidak dapat diperoleh secara tepat (Indirawati, 2021). Inilah yang berlaku pada takrifan Akidah dalam KDP dan MW. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah mengklasifikasikan domain semantik Akidah melalui struktur hubungan makna dalam pemetaan domain yang dirujuk bagi mengatasi kekaburan makna yang berlaku.

Kajian ini mengaplikasi kaedah kualitatif dengan kata pinjaman bahasa Arab (BA) dikumpulkan berserta takrifannya daripada KDP sementara MW digunakan bagi rujuk silang etimologi dan takrifan.

Kajian Lepas

Tidak ditemukan kajian lepas berkenaan domain semantik Akidah baik di dalam negara maupun luar negara kecuali terdapat satu kajian yang menganalisis kata pinjaman bahasa Arab ‘jihad’ dari perspektif Arab dan Islam. Kebanyakan kajian lepas yang berlangsung membincangkan domain semantik perkataan-perkataan umum dalam bahasa Melayu, Indonesia dan Inggeris. Berikut dibincangkan secara ringkas kajian luar dan dalam negara berkenaan domain semantik.

Kajian luar negara

Kajian berkenaan domain semantik atau medan makna di luar negara telah dilakukan oleh Lestari et al. (2015), Boholm (2017), Nurhuda (2018), Rachmayanti et al. (2018), Hilmi & Loren

³ Menyamakan Allah dengan selain-Nya dalam hal-hal yang merupakan kekhususan Allah seperti berdoa kepada selain Allah di samping berdoa kepada Allah atau memalingkan suatu bentuk ibadat seperti menyembelih kurban, bernazar, berdoa dan sebagainya kepada selain-Nya (Fauzan, 1999).

⁴ Keluar dari agama Islam dengan perkataan seperti mengingkari ketuhanan dengan mengatakan bahawa Allah s.w.t itu tidak ada; dengan iktikad seperti mempercayai bahawa alam ini tidak ada penciptanya; dengan perbuatan seperti meninggalkan apa-apa yang diwajibkan oleh Islam (Zaleha & Raihana, 2002).

(2019), Hutasuhut & Waridah (2019), Atmawati (2021), Butar (2021), Toni et al. (2021) dan Filyasova (2022).

Kajian medan makna memotong didapati paling banyak dilakukan oleh pelbagai pengkaji, antaranya ialah Lestari et al. (2015), Rachmayanti et al. (2018), dan Atmawati (2021) dalam sela masa setiap tiga tahun. Lestari et al. (2015) telah melakukan kajian *Medan Makna Verba Memotong dalam Bahasa Melayu Dialek Sambas (BMDS)* yang bertujuan untuk mendeskripsikan komponen makna, jenis makna dan juga peranan semantiknya dengan menggunakan metod deskriptif. Datanya ialah kata atau frasa verba memotong dalam BMDS yang diperoleh daripada tiga informan dari Desa Simpang Empat, Kecamatan Tangaran. Hasil kajian ini memperlihatkan sebanyak 34 leksem yang dikategorikan kepada tiga komponen makna yang berbeza, iaitu 29 leksem makna verba memotong menggunakan alat antaranya *mancong*, *mappat*, *melampang*; empat leksem verba memotong tanpa alat antaranya *matahkan*, *ngigit*, *ngoyak*, *nyirah*; satu leksem verba memotong menggunakan alat dan tanpa alat, *maggotek*. Keseluruhan 34 leksem ini turut dianalisis jenis maknanya. Walau bagaimanapun, kajian ini masih tidak mendalam kerana bersifat pendeskripsian semata-mata.

Seterusnya, Rachmayanti et al. (2018) pula telah melakukan kajian *Analisis Medan Makna Leksem Memotong* dalam bahasa Indonesia secara umum tanpa memfokuskan sebarang dialek tertentu seperti mana kajian sebelumnya. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dan analisis hiponim bagi menentukan medan makna leksem memotong. Hasilnya, leksem *memotong* sebagai superordinat mempunyai hubungan inklusi dengan kata *menguakkan*, *mengunting*, *mengiris* dan lain-lain sebagai subordinat atau hiponim di bawahnya. Kemudian hubungan hiponim

antara kesemua kata ini dibuktikan dengan analisis komponen makna yang membentuk makna leksikalnya berdasarkan cara penggunaan, objek, hasil, dan alat yang digunakan. Namun, kajian ini tidak menyatakan sumber kutipan data dan hasil kajian hanya terhad kepada hiponim yang masih boleh diperincikan secara spesifik.

Kajian yang hampir sama telah dilakukan oleh Atmawati (2021), bertajuk *The Semantic Field of Ngethok 'to Cut' and Sociocultural Factors in Javanese Society: Sociosemantic Study* dengan memfokuskan bahasa Jawa di Indonesia bertujuan untuk mencari dan menghuraikan komponen semantik bagi leksikon kata kerja *ngethok* 'to cut' dan leksem-leksemnya serta faktor sosiobudaya yang dikandung oleh makna setiap leksem dengan mengaplikasikan metod kualitatif deskriptif dan pendekatan sosiosemantik. Kutipan data dilakukan dengan menemu bual, merakam, dan mencatat perbualan bersama penduduk di kawasan Borobudur, Daerah Magelang, Wilayah Jawa Tengah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa medan makna bagi leksikon kata kerja *ngethok* mempunyai 15 leksem antaranya *mancung*, *mapras* dan *nyigar*. Perbezaan yang ketara antara kajian ini dan kajian-kajian lain adalah elemen budaya dalam pendekatan sosiosemantik yang diterapkan. Walau bagaimanapun, dari aspek domain semantiknya, kajian ini hanya menganalisis komponen semantik yang dikongsi secara bersama tanpa menjelaskan hubungan makna yang dimiliki oleh setiap leksem tersebut.

Seterusnya, kajian medan makna aktiviti tangan turut mendapat perhatian oleh Hilmi & Loren (2019) dan Hutasuhut & Waridah (2019) selain daripada kajian medan makna memotong. Kajian Hilmi & Loren (2019) bertajuk *Medan makna aktivitas tangan dalam bahasa Sasak Dialek Ngeno-Ngene* dengan menggunakan 30 sampel penutur asli dari dusun Montong Meong dan dusun Dasan Esot di Desa Labuhan Haji,

Kabupaten Lombok Timur telah memanfaatkan metod kualitatif deskriptif bagi mendeskripsikan komponen medan maknanya. Hasil kajian menemukan 54 leksem dalam medan makna aktiviti tangan dan kemudiannya dikelompokkan ke dalam 19 submedan berdasarkan komponen maknanya. Sejumlah 19 submedan ini antaranya ialah memegang ‘entik’, menangkap ‘bau’, dan menyentuh ‘jolet’. Meskipun hasil kajian ini agak terperinci pengklasifikasiannya, namun tiada perbincangan berkenaan hubungan yang berkemungkinan berlaku antara submedan yang telah dideskripsikan ini.

Hutasuhut & Waridah (2019) pula dengan kajian bertajuk *Semantic Domain of Hand Activity to Hold in Mandailing Language* telah menggunakan data bertulis daripada kamus bahasa Angkola/Mandailing yang dikompilasikan oleh Ahmad Samin Siregar (1997), manakala data secara lisan turut dikutip dengan melakukan temu bual bersama komuniti Mandailing yang berusia 50-an dan 60-an di daerah Mandailing Natal. Berdasarkan kutipan data ini, sebanyak 85 leksem telah diinventori sebagai leksem yang menyatakan aktiviti tangan. Leksem ini dikelaskan berdasarkan komponen makna yang dimiliki sehingga membentuk kumpulan atau subdomain khusus. Hasilnya, terdapat 20 kumpulan makna subdomain berdasarkan tujuan aktiviti tangan ini antaranya *holding*, *touching* dan *pointing*. Kajian ini menyatakan bahawa kesemua subdomain ini berbeza-beza, ada di antaranya yang mempunyai leksem sebagai superordinat dan juga subordinat. Walau bagaimanapun, kesemua 20 subdomain yang dinyatakan dalam kajian ini tidak diperlihatkan senarai leksem yang dimiliki oleh setiap subdomain tersebut kecuali subdomain ‘*holding*’ sahaja. Perbincangan dalam kajian ini hanya berfokus kepada subdomain *holding* yang mempunyai sembilan leksem. Kajian ini didapati menimbulkan kekeliruan apabila penggunaan istilah domain dan subdomain adakalanya saling bertukar

ganti sedangkan setiap istilah tersebut merujuk kepada aras yang berbeza.

Selain daripada kajian-kajian bahasa Indonesia, Boholm (2017) dengan kajian bertajuk *The semantic field of risk* bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis medan makna risiko dalam bahasa Inggeris berdasarkan kepada 244 perkataan yang dikumpulkan daripada dua belas sumber berbeza, iaitu *21st Century Synonym and Antonym Finder, A Dictionary of Synonyms and Antonyms, Dictionary of English Synonyms and Antonyms, Dictionary of Synonyms and Antonyms, FrameNet, Oxford Dictionaries, Roget's International Thesaurus, The Merriam-Webster Dictionary of Synonyms and Antonyms, Merriam-Webster.com, The Oxford dictionary of synonyms and antonyms, Collins online thesaurus*, dan *WordNet*. Kesemua perkataan ini kemudiannya diklasifikasikan kepada 25 kategori khusus dengan menganalisis jenis hubungan semantik yang diberi label ‘A’ untuk merujuk antonim, ‘S’ untuk merujuk sinonim dan juga ‘X’ untuk merujuk lain-lain hubungan semantik terhadap konsep risiko dengan menginspirasikan *decision theory* oleh Raiffa (1970). Seterusnya pengkaji memanfaatkan dapatan ini untuk membincangkan tiga implikasi bagi kajian risiko dan keselamatan.

Seterusnya, kajian Nurhuda (2018) bertajuk *Medan makna jihad dalam perspektif bahasa Arab dan Islam (kajian semantik Arab)* bertitik tolak daripada kepopularan kata jihad yang seringkali digunakan dalam motivasi untuk melahirkan semangat keagamaan yang berkait dengan dimensi psikososial. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengidentifikasi makna-makna yang berhubungan dengan kata jihad dalam konteks bahasa Arab dan agama Islam. Hasil kajian memperlihatkan bahawa kata jihad ini mempunyai makna yang pelbagai berdasarkan kepada kolokasinya yang tertentu. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini hanya menemukan polisemi

makna bagi kata jihad berdasarkan kolokasi yang berlaku dengannya dalam skop ibadah, dakwah, tasawuf, dan akidah sahaja. Walau bagaimanapun, sumber kata jihad dan kata-kata yang mempunyai persamaan morfologi dan semantik dengannya tidak dinyatakan secara spesifik sama ada diperoleh daripada korpus tertentu atau sebagainya, sebaliknya penerangan dalam analisis hanya memberikan percontohan daripada ayat-ayat al-Quran yang berkenaan sahaja.

Selanjutnya, kajian *The word formation and semantic domains in Covid-19 sections in WHO website* oleh Butar (2021) telah menganalisis jenis-jenis domain semantik bagi istilah berkaitan *Coronavirus* dalam laman web *World Health Organization* (WHO). Hasilnya, terdapat sebanyak enam jenis domain semantik yang telah ditemukan berserta istilah-istilahnya. Pertama, 21 istilah dalam domain bahaya *Coronavirus* antaranya *autoimmune*, *intoxication* dan *confusion*. Kedua, 14 istilah dalam domain prosedur pencegahan antaranya *disinfectant*, *vaccination* dan *stay-at-home*. Ketiga, sembilan istilah dalam domain jenis-jenis virus antaranya *Coronavirus*, *COVID-19* dan *MERS-CoV*. Keempat, lapan istilah dalam domain perubatan antaranya *hydroxychloroquine*, *antimicrobial*, dan *ventilator*. Kelima, satu istilah dalam domain transmisi *Coronavirus*, iaitu *respiratory*. Akhir sekali, jenis domain keenam, iaitu domain organisasi yang juga mempunyai satu istilah sahaja, istilah WHO. Pengkaji kemudiannya membincangkan kesemua istilah dalam setiap jenis domain ini berdasarkan fitur semantik yang dimiliki dalam takrifan setiap istilah tersebut. Secara keseluruhannya, pengkaji tidak menjelaskan kaedah yang digunakan dalam menjeniskan setiap domain-domain ini, justeru itu wujud kemungkinan bahawa terdapat juga jenis domain lain yang berkaitan dengan *Coronavirus* di laman web WHO yang dikaji ini.

Toni et al. (2021) dengan kajiannya bertajuk *Semantic Mapping of the Name Flora and Fauna at Danau Laut Mati Tasi Ana' in Landu Dialect of Rote Language* pula telah dijalankan berdasarkan dua persoalan kajian, iaitu pertama, apakah nama tempatan bagi hidupan flora dan fauna di kawasan Danau Laut Mati Tasi Ana di Mukim Landu Daerah Rote?; kedua, apakah domain semantik yang dimiliki oleh nama-nama flora dan fauna tersebut? Pengumpulan data dilakukan secara kajian lapangan selama tiga hari dengan merujuk penutur natif setempat yang berhampiran bagi mendapatkan nama-nama flora dan fauna tersebut dalam dialek Landu bahasa Rote. Seterusnya, data dianalisis berdasarkan model yang dipersembahkan oleh Suweta (2013) dan Mbete et al. (2015). Hasil kajian memperlihatkan empat domain semantik yang dimiliki oleh flora dan fauna di Danau Laut Mati Tasi Ana, iaitu (1) makanan untuk hidupan manusia; (2) makanan untuk haiwan; (3) herba; dan (4) bahan binaan. Keseluruhan data berjaya diperoleh namanya dalam dialek Landu bahasa Rote kecuali buah sabu yang diambil daripada bahasa Melayu. Kajian domain semantik ini menyumbang kepada pengukuhan pengetahuan yang bermanfaat untuk pemeliharaan alam fizikal, pemeliharaan bahasa dan akhirnya untuk kemakmuran hidup manusia.

Akhir sekali, Filyasova (2022) dengan kajian bertajuk *A Semantic Field of Perfectionism as a Social and Psychological Concept in Academic Discourse* telah mengaplikasikan analisis komponen makna dalam mengkategorikan konseptual kesempurnaan kepada tiga major saintifik, iaitu sosiologi, psikologi dan perubatan. Konsep kesempurnaan ini dianalisis sebagai fenomena rentas disiplin dengan menggunakan bahan daripada pangkalan data akademik yang besar, iaitu melibatkan sebanyak 4807 dokumen. Analisis kuantitatif dan pengkategorian semantik digunakan sebagai kaedah kajian

untuk pendeskripsian medan semantik yang dikaji. Hasil kajian berdasarkan analisis kolokasi dalam wacana akademik yang dikaji ini telah membentuk peratusan tertentu terhadap faktor kesempurnaan dalam medan makna yang dirujuk.

Kajian dalam negara

Kajian berkenaan domain semantik dalam negara pula telah dilakukan oleh Hishomudin et al. (2017), Noor Hasnoor (2018), Isnariah (2018), Indirawati (2020) dan Mohammad Habibi et al. (2021).

Hishomudin et al. (2017) dengan kajian bertajuk *Teks prosa Zarzuriyyat Ibn Fakhaar: Analisa korpus bertema berdasarkan Teori Medan Makna* telah memanfaatkan teks prosa Zarzuriyyat Ibn Fakhar yang diambil dari buku *Udaba' Malaqa* yang dikarang oleh Ibn Khamis (1999) sebagai data. Teori medan makna yang digunakan ini berupaya menjelaskan dua tema perwatakan dalam prosa berdasarkan hubungan makna yang ditemukan, iaitu meronim dalam memerihalkan perwatakan manusia dermawan, manakala polisem, hipernim, hiponim, holonim dan meronim pula dalam memerihalkan watak burung Zarzuur. Dapatan ini membuktikan bahawa analisis korpus bertema yang berasaskan gabungan kajian korpus dan Teori Medan Makna dapat membantu dalam pemahaman teks sastera secara mudah. Walau bagaimanapun kajian ini hanya terbatas terhadap satu korpus sahaja.

Seterusnya Noor Hasnoor (2017) dalam kajiannya bertajuk “*Hati*” dalam medan makna emosi menerusi karya agung pantun Melayu telah memanfaatkan Teks Karya Agung Pantun Melayu Bingkisan Permata (2001) yang mempunyai leksikal hati dalam rangkap pantun sebagai data. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti kehadiran leksikal hati dalam pantun dan menganalisis medan makna emosi melalui anatomi hati manusia serta menghuraikan

makna hasil kolokasi hati bagi setiap medan makna emosi. Sehubungan itu, analisis teks menggunakan teknik pemprosesan korpus berbantuan komputer, perisian *Antconc 3.4w* melalui teknik konkordans telahpun dijalankan. Hasilnya, perbincangan medan makna emosi positif, iaitu emosi gembira, kasih sayang dan cinta serta medan makna emosi negatif, iaitu emosi bimbang, sedih, kecewa, marah dan dendam dapat menjelaskan bahawa leksikal hati mempunyai makna konotatif dalam menggambarkan emosi orang Melayu.

Isnariah (2018) dan Mohammad Habibi et al. (2021) memperlihatkan persamaan dari aspek analisis kata fokus dan kata kunci dalam kajian medan makna yang dilakukan. Isnariah telah menggunakan 18 warkah Melayu lama abad ke-19 sebagai data dalam kajiannya bertajuk *Medan semantik hati budi Melayu berdasarkan warkah Melayu lama*. Fokus kajian ini adalah mengenal pasti konsep jalinan perkaitan makna antara kosa kata dengan menginterpretasikan kata fokus, kata kunci dan rangkaian kesatuan makna dalam lingkungan konsepsi keperibadian Melayu lama khususnya golongan bangsawan berdasarkan model analisis medan makna yang dipelopori oleh Toshihiko Izutsu (1964) dan Syed Mohd Naguib al-Attas (1990). Sedikit berbeza dengan Mohammad Habibi et al. yang menggunakan Teori Medan Makna Trier (1983) dalam kajiannya bertajuk *Medan makna ‘Memperhebatkan Pemberanterasan Rasuah’ dalam ungkapan ‘Malaysia Baharu’ Mei 2018*. Objektifnya adalah mengenal pasti dan memperoleh leksikal yang relevan dengan tema, kata fokus, kata kunci dan kata kunci kedua dalam ungkapan ‘Malaysia Baharu’ berdasarkan data yang terdiri daripada satu teks ucapan dan 20 laporan akhbar yang berkaitan dengan Malaysia Baharu. Ringkasnya, kedua-dua kajian ini didapati hanya tertumpu pada kata kunci dan kata fokus tanpa membincangkan struktur hubungan

makna dalam medan makna tersebut.

Indirawati (2020) dengan kajiannya bertajuk *Domain Semantik, Kata Kerja, dan Kolokasi dalam Iklan Produk Kecantikan Wanita* telah memanfaatkan bahan iklan dalam talian daripada jenama D'HERBS dan Vida Beauty sebagai data kajiannya. Dua domain semantik kecantikan wanita bagi bahagian muka dan badan telah dianalisis kata kerjanya. Kajian ini telah mengaplikasikan kerangka kerja Leech (1966) dengan penambahan skop domain semantik, hubungan leksikal dan analisis frekuensi. Perkara yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah penggunaan kata kerja yang berkolokasi dalam dua domain semantik kecantikan wanita bagi memperlihatkan fungsi atributnya dalam bahasa iklan. Sehubungan itu, kajian ini didapati tiada perkaitan dengan kajian pengklasifikasian domain semantik yang dilakukan kerana tumpuan perbincangannya tidak menjurus kepada struktur domain tersebut secara keseluruhan sebaliknya hanya berfokus terhadap kata kerja dan kolokasinya dalam domain.


Berdasarkan sorotan yang dilakukan terbukti bahawa masih belum ada kajian domain semantik bagi kata Akidah. Sementara itu, kajian domain semantik yang popular ialah analisis kata memotong dan aktiviti tangan yang dilakukan oleh antaranya Lestari et al. (2015), Rachmayanti et al. (2018), Hilmi & Loren (2019), Hutasuhut & Waridah (2019) dan Atmawati (2021) dengan mengaplikasikan metod analisis komponen makna. Hakikatnya, dapatan dengan mengaplikasikan metod analisis komponen makna ini agak diragui kerana dari sudut ketepatan fitur binari yang dinyatakan oleh para pengkaji didapati berbeza. Sementara itu, ditemukan masing-masingnya tiga kajian yang menggunakan metod analisis

kolokasi, iaitu Nurhuda (2018), Indirawati (2020) dan Filyasova (2022); dan metod analisis kata fokus dan kata kunci, iaitu Isnariah (2018) dan Mohamad Habibi et al. (2021). Kesemua perbincangan yang dibincangkan dalam kajian lepas hanya membincangkan dapatan yang diperoleh pada aras permukaan sahaja. Ini bermaksud tiada sebarang perbincangan mengenai hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain antara kata yang kemungkinannya berlaku dalam domain yang dirujuk. Oleh itu, wujud kelemahan dalam kajian yang dilakukan.

Sehubungan itu, kajian domain semantik Akidah yang dilakukan ini akan mengaplikasikan analisis struktur hubungan makna kata-kata yang terangkum dalam domain semantik Akidah. Analisis struktur hubungan makna ini akan memperlihatkan hubungan intrasubdomain dan juga intrasub-subdomain berdasarkan penstrukturkan hubungan makna hipernim, hiponim dan kohiponim. Oleh itu, hasil kajian ini seterusnya akan memperlihatkan pembaharuan dalam kajian domain semantik berbanding dengan kajian-kajian sebelumnya.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif dengan melakukan tiga prosedur, pertama, pemetaan kerangka domain semantik Akidah berdasarkan perbincangan beberapa sarjana Pengajian Islam tempatan; kedua, pengekstrakan entri kata pinjaman bahasa Arab berlabel 'Ar' dan tidak berlabel 'Ar' daripada KDP dan rujuk silang daripada MW bagi pengesahan etimologi kata pinjaman BA; ketiga, membina domain semantik Akidah berdasarkan pengklasifikasian kata pinjaman BA. Rajah 4 berikut menjelaskan secara terperinci berkenaan prosedur yang telah dilakukan dalam kajian ini.



Rajah 4: Metodologi Kajian Kualitatif dalam Pemetaan Domain Semantik Akidah

Metodologi dalam Rajah 4 ini secara keseluruhannya akan dapat menyelesaikan kecaburan takrifan kata Akidah


berdasarkan KDP dan MW yang akhirnya membentuk domain semantik Akidah.

Pendekatan Analisis

Analisis yang dilakukan memanfaatkan perbincangan empat orang sarjana Pengajian Islam tempatan Haji Said (1996), Kamarul Azmi & Ab. Halim (2011), dan Mohd Nizam (2014) yang masing-masingnya merupakan mufti negeri dan barisan pensyarah dalam bidang. Keempat-empat mereka ini telah membahagikan Akidah kepada tiga bahagian, iaitu Ilahiah, Nubuwah & Risalah, dan Sam'iayat. Setiap pembahagian ini pula terdapat perbincangan yang lebih khusus seperti zat Allah; sifat-sifat Allah; nama-nama Allah; nama dan gelaran para nabi dan rasul termasuk sifat-sifatnya; mukjizatnya dan kitabnya; dan perkara-perkara ghaib termasuklah malaikat; hari kiamat dan akhirat; qadak dan qadar; dan jin dan syaitan. Selanjutnya, perbincangan Akidah oleh para sarjana ini diseimbangkan dengan konteks dalam negara Malaysia yang mematuhi ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti mana yang telah diputuskan dalam keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)]. Perbincangan Akidah ini kemudiannya digabungkan dengan rukun iman sebagai asas Akidah Islam (Mohd Nizam, 2014) dalam memetakan kerangka

domain semantik Akidah ini. Dalam konteks ini, rukun iman merujuk kepada perkara yang menjadi dasar iman seseorang Muslim, iaitu percaya akan Allah, malaikat, rasul, kitab, hari kiamat serta qadak dan qadar (KDP, 2021, 1906). Sehubungan dengan perbincangan para sarjana ini, maka dibentuk rajah kerangka domain semantik Akidah yang dijadikan sebagai asas analisis.

Kerangka domain semantik Akidah dibentuk dengan membina struktur hubungan makna sebagai panduan utama dalam penentuan domain semantik kata ini. Kerangka domain ini mengaplikasikan konsep hubungan makna, iaitu hipernimi, hiponimi, dan kohiponimi dalam bidang semantik leksikal serta memanfaatkan perbincangan konsep Akidah oleh para sarjana tempatan yang dinyatakan sebelum ini. Rajah 5 berikut memperlihatkan hasil daripada pemetaan kerangka domain semantik akidah yang dibentuk. Terdapat tiga aras utama dalam kerangka domain ini, aras pertama, iaitu hipernimi ‘Akidah’ dirujuk juga sebagai domain; aras kedua, iaitu hiponimi ‘Ilahiah’, ‘Nubuwah & Risalah’, dan ‘Sam’iyat’ dirujuk juga sebagai subdomain, manakala aras tiga merujuk pada kohiponimi yang dirujuk juga sebagai sub-subdomain.

**Rajah 5:** Kerangka Domain Semantik Akidah

Berdasarkan Rajah 5, Akidah dirujuk sebagai hipernim. Hipernim ialah kata umum yang memayungi sejumlah kata-kata lain di bawahnya, iaitu kata-kata yang berkongsi komponen makna bersama. Hipernim ini dapat dipecahkan kepada tiga hiponim yang merujuk pada kata-kata yang lebih khusus di bawah akidah, iaitu Ilahiah yang bermaksud perihal ketuhanan, Nubuwah & Risalah yang bermaksud perihal kenabian dan kerasulan, dan Sam'iayat yang bermaksud perkara ghaib yang hanya diketahui melalui al-Quran & hadis. Setiap hiponim ini juga mempunyai sejumlah kata-kata di bawahnya. Hubungan setiap kata pada aras yang sama di bawah hiponim ini dirujuk sebagai kohiponim.

Hiponim Ilahiah merangkumi segala kepercayaan terhadap perihal ketuhanan, iaitu berkenaan dengan Allah dalam akidah Islam seperti zat Allah, sifat-sifat Allah dan nama-nama Allah sebagai kohiponimnya. Dalam konteks ini, kohiponim Zat Allah tidak dibincangkan kerana menurut perbincangan sarjana Islam tempatan zat

Allah tidak dapat digambarkan dengan akal (Mohd Haidhar, 2018; Mohd Nizam, 2019), malahan zat Allah juga tidak boleh disamakan dengan makhluk dalam apa jua bentuknya (Wafi, 2012). Oleh hal yang demikian, tiada satu kata pun yang boleh melambangkan zat Allah ini. Selain itu, hiponim Ilahiah ini juga merujuk kepada rukun iman yang pertama, iaitu kepercayaan kepada Allah dan hiponim ini dilabelkan dengan angka (1).

Hiponim Nubuwah & Risalah pula merangkumi perkara-perkara yang memperihalkan kepercayaan terhadap kenabian dan kerasulan yang kohiponimnya ialah nama & gelaran, sifat-sifat, mukjizat, dan kitab. Pelabelan angka (4) pada hiponim ini berpadanan dengan susunan keempat dalam rukun iman, iaitu kepercayaan kepada nabi dan rasul. Terangkum dalam hiponim Nubuwah & Risalah ini juga ialah rukun iman ketiga (kepercayaan kepada kitab), iaitu kohiponim yang dilabelkan dengan angka (3).

Hiponim Sam'iyat pula merangkumi kepercayaan terhadap perkara ghaib yang hanya diketahui melalui al-Quran dan hadis seperti malaikat, hari kiamat & akhirat, qadak & qadar dan jin & syaitan. Kohiponim malaikat, hari kiamat & akhirat, dan qadak & qadar dilabelkan masing-masingnya dengan angka (2), (5), dan (6) yang berpadanan dengan susunan dalam rukun iman. Sementara itu, kohiponim jin & syaitan dilabelkan dengan angka (7) merujuk pada tambahan daripada enam rukun iman yang sedia ada berasaskan kepada perbincangan sarjana tempatan dalam aspek Sam'iyat (Zakaria, 1998; Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2011).

Sehubungan itu, pemetaan kerangka domain semantik Akidah ini menjadi asas dalam penganalisisan bagi mengatasi kekaburuan makna yang berlaku.

Dapatkan

Pengklasifikasian domain semantik Akidah berdasarkan pendekatan analisis yang dibincangkan sebelum ini membolehkan kata-kata yang terangkum dalam domain ini disusun secara sistematik berdasarkan aras domain Akidah (hipernim), subdomain (hiponim) dan sub-subdomain (kohiponim) yang masing-masingnya berpandukan takrifan dalam KDP seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Domain semantik Akidah

Hipernim (Domain)		Akidah									
Hiponim (Subdomain)	Ilahiah	Nubuwah & Risalah					Sam'iyat				
Kohiponim (Sub-subdomain)	Sifat-sifat Allah	Nama-nama Allah	Nama & Gelaran	Sifat-sifat	Mukjizat	Kitab	Malaikat	Hari Kiamat & Akhirat	Qadak & Qadar	Jin & Qadar	Syaitan
Contoh Perkataan	baqa	al-Bar	Adam	amanah	al-Quran	Zabur	Jibril	baqa	ajal	iblis	
	kudrat	al-Haq	Lut	maksum	Israk	Injil	maksum	barzakh	kudrat	ifrit	
	wujud	al-Jalil	Rasulullah	siddiq	Mikraj	al-Quran	qarin	mizan	rezeki	qarin	

Petunjuk

: intrasubdomain

: intrasub-subdomain

Jadual 1 memperlihatkan domain semantik Akidah yang lebih spesifik berbanding dengan perbincangan takrifan Akidah yang bersifat umum oleh para sarjana Pengajian Islam sebelum ini dan takrifan yang kabur dalam KDP dan MW. Pengklasifikasian ini memperlihatkan berlakunya hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain pada kata-kata tersebut. Hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain ini berlaku apabila sesuatu kata tersebut dapat diklasifikasikan semula apabila didapati melangkaui satu subdomain ataupun sub-subdomain. Jadual 1 memperlihatkan antara perkataan-perkataan dalam domain

Akidah yang masing-masingnya diklasifikasikan mengikut pembahagian subdomain dan sub-subdomain. Kata baqa, kudrat, dan maksum memperlihatkan hubungan intrasubdomain manakala kata al-Quran dan qarin pula memperlihatkan hubungan intrasub-subdomain. Berikut dibincangkan secara rinci hubungan makna yang wujud dalam sub-subdomain yang berkenaan.

Subdomain Ilahiah

Subdomain yang pertama dalam domain Akidah ini ialah subdomain Ilahiah. Kata Ilahiah ini berkaitan dengan ketuhanan

(KDP, 2021, 812). Subdomain ini memayungi sub-subdomain sifat-sifat Allah dan nama-nama Allah. Antara perkataan yang terkandung dalam sub-subdomain Sifat-sifat Allah ini ialah baqa, kudrat dan wujud yang tergolong dalam 20 Sifat Wajib Allah. Sub-subdomain Nama-nama Allah pula dirujuk juga sebagai al-Asmaul Husna, iaitu sembilan puluh sembilan nama Allah yang teragung, termulia dan terindah (KDP, 2021, 56) antaranya ialah al-Bar, al-Haq, dan al-Jalil.

Subdomain Nubuwah & Risalah

Subdomain kedua ialah subdomain Nubuwah & Risalah. Kata Nubuwah ini merujuk kepada sifat atau hal yang berhubungan dengan nabi; kenabian (KDP, 2021, 1543), manakala Risalah pula ialah kerasulan. Subdomain ini memayungi sub-subdomain Nama & Gelaran, Sifat-sifat, Mukjizat dan Kitab yang berkenaan dengan nabi dan rasul dalam Islam. Sub-subdomain Nama & Gelaran ini merujuk kepada nama-nama nabi dan rasul antaranya ialah Adam dan Lut, manakala Rasulullah pula merupakan gelaran yang dikhurasukan kepada Nabi Muhammad SAW yang bermaksud utusan Allah.

Sub-subdomain Sifat-sifat Nabi dan Rasul pula antaranya ialah amanah, maksum dan siddiq. Seterusnya, sub-subdomain Mukjizat antaranya ialah al-Quran, Israk dan Mikraj. Ketiga-tiga perkara ini merupakan mukjizat yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW. Akhir sekali, sub-subdomain Kitab antaranya ialah Zabur, Injil, dan al-Quran yang merujuk pada kitab yang diwahyukan kepada Nabi Daud a.s, Nabi Isa a.s dan Nabi Muhammad SAW oleh Allah SWT.

Subdomain Sam'iyat

Subdomain Sam'iyat merupakan subdomain ketiga dalam domain Akidah. Sam'iyat ialah hal mengenai akidah seperti syurga, neraka dan Padang Mahsyar, yang tidak dapat digambarkan dengan

pancaindera manusia, dan hanya diketahui dan diyakini kewujudannya melalui ayat al-Quran serta hadis mutawatir (KDP, 2021, 1948). Sehubungan itu, subdomain ini memayungi sub-subdomain Malaikat, Hari Kiamat & Akhirat, Qadak & Qadar dan Jin & Syaitan.

Sub-subdomain Malaikat antaranya ialah Jibril, maksum, dan qarin. Ketiga-tiga ini mempunyai komponen makna yang berkaitan dengan malaikat sama ada dari segi namanya, sifatnya, atau rujukannya. Malaikat ialah makhluk yang diciptakan Allah daripada cahaya, tidak mempunyai nafsu serta sentiasa patuh pada perintah-Nya (KDP, 2020, 1396). Sub-subdomain Hari Kiamat & Akhirat pula antaranya ialah baqa, barzakh dan mizan bagi merujuk pada perkara-perkara yang berlaku di saat dunia rosak binasa dan lenyap keseluruhannya serta alam yang kekal selepas alam dunia, bermula dengan kebangkitan semula semua makhluk yang telah mati dan di alam inilah adanya syurga dan neraka (KDP, 2021).

Ketiga, sub-subdomain Qadak & Qadar antaranya ialah ajal, kudrat, dan rezeki. Qadak ialah ketetapan dan peraturan yang telah ditentukan oleh Allah SWT berdasarkan ilmu dan kehendak-Nya dan wajib diimani oleh orang Islam, manakala qadar pula merujuk kepada pengetahuan atau rahsia Allah SWT tentang takdir makhluk-Nya pada masa akan datang (KDP, 2021). Ketiga-tiga perkara tersebut mempunyai kaitan dengan kuasa Allah untuk menetapkan atau menentukannya pada bila-bila masa sahaja terhadap makhluk-makhluk-Nya.

Keempat, sub-subdomain Jin & Syaitan antaranya ialah iblis, ifrit dan qarin. Jin ialah makhluk Allah SWT yang berakal, dipertanggungjawabkan untuk mengikuti perintah-Nya, diciptakan daripada api dan tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Sementara itu, syaitan pula ialah makhluk Allah SWT yang diciptakan daripada api

dan tidak dapat dilihat oleh mata kasar, dan sentiasa menghasut manusia supaya melakukan kejahanan.

Dapatkan ini memperlihatkan bahawa entri kata pinjaman bahasa Arab dalam KDP dapat diklasifikasikan dalam domain semantik Akidah berdasarkan kepada tiga subdomain, iaitu subdomain Ilahiah, Nubuwah & Risalah dan Sam'iyat. Malahan kata-kata dalam subdomain ini dapat dikenal pasti di bawah subdomain tersebut secara sistematik.

Perbincangan

Hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain merujuk pada situasi kata dalam subdomain dan sub-subdomain tertentu dapat berada dalam subdomain atau sub-subdomain yang berbeza pada satu masa yang sama. Berikut dibincangkan situasi tersebut berdasarkan takrifan KDP.

Intrasubdomain

Hubungan intrasubdomain berlaku apabila satu kata daripada subdomain yang berbeza dapat melangkui subdomain yang lain, misalnya kata baqa dalam subdomain Ilahiah dapat diklasifikasikan juga ke dalam subdomain Sam'iyat berdasarkan dua polisem yang berikut:

baqa 1 (bkn Allah) kekal selama-lamanya tanpa penghujung, iaitu satu drp sifat wajib Allah SWT: *Aku berserah kpd Tuhan yg baqa.* **2** alam selepas kehidupan di dunia yg bermula apb berlakunya kiamat dan kekal selama-lamanya; akhirat: *Biarlah susah di sini supaya senang di baqa nanti.* • alam baqa.

(KDP, 2021, p. 208)

Kata baqa dalam polisem yang pertama dapat diklasifikasikan ke dalam subdomain Ilahiah, sementara kata baqa dalam polisem yang kedua pula dapat diklasifikasikan ke dalam subdomain Sam'iyat. Ini berlaku

kerana kata baqa dalam kedua-dua subdomain ini memperlihatkan perkongsian komponen makna bersama, iaitu [+kekal]. Baqa dalam subdomain Ilahiah merujuk pada sifat Allah manakala baqa dalam subdomain Sam'iyat pula merujuk pada hari kiamat dan akhirat.

Hal yang sama bagi kata kudrat yang dapat diklasifikasikan ke dalam subdomain Ilahiah dan juga subdomain Sam'iyat. Ini berlaku berdasarkan tiga polisem yang berikut:

kudrat 1 kuasa Allah; **2** kemampuan, tenaga dan kekuatan sso: *Selagi punya kudrat, dia akan melaksanakan tanggungjawabnya sbg ibu.* • Josiah Ng membuktikan bahawa kudratnya masih ada. **3** sifat atau tabiat semula jadi sso: *Manusia yg bermoral memahami kudrat kemanusiaannya.*

(KDP, 2021, p. 1180)

Kata kudrat dalam polisem yang pertama dapat diklasifikasikan ke dalam subdomain Ilahiah, sementara kata kudrat dalam polisem kedua dan ketiga pula dapat diklasifikasikan ke dalam subdomain Sam'iyat. Ini berlaku kerana kata kudrat dalam kedua-dua subdomain ini memperlihatkan perkongsian makna bersama, iaitu [+daya] dan [+ketentuan]. Kudrat dalam subdomain Ilahiah merujuk pada sifat Allah, manakala kudrat dalam subdomain Sam'iyat pula merujuk pada Qadak & Qadar yang merupakan ketentuan tuhan terhadap kemampuan dan tabiat semula jadi seseorang manusia. Ketentuan Allah ini bersifat luas, iaitu bukan hanya sesuatu yang telah ditentukan sebagai takdir sahaja, sebaliknya apa-apa sahaja yang ditentukan termasuklah kemampuan, tenaga dan juga pembawaan tabiat atau sifat semula jadi seseorang. Hubungan intrasubdomain bagi kata baqa dan kudrat ini dapat diperlihat secara jelas dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Hubungan intrasubdomain antara subdomain Ilahiah dan Sam'iyat

Hiponim (Subdomain)	Ilahiah	Nubuwah & Risalah	Sam'iyat	
Kohiponim (Sub- subdomain)	Sifat- sifat Allah		Hari Kiamat & Akhirat	Qadak & Qadar
Contoh Perkataan	baqa kudrat		baqa	kudrat

Jadual 2 memperlihatkan hubungan intrasubdomain bagi kata baqa dan kudrat yang terdapat dalam subdomain Ilahiah dapat melangkaui subdomain Sam'iyat. Kata baqa dapat dirujuk sebagai sifat-sifat Allah di bawah subdomain Ilahiah dan juga dapat dirujuk sebagai Hari Kiamat & Akhirat di bawah subdomain Sam'iyat. Sementara itu, kata kudrat yang juga dapat dirujuk sebagai sifat-sifat Allah di bawah subdomain Ilahiah memperlihatkan sedikit perbezaan, iaitu dapat dirujuk juga sebagai Qadak dan Qadar di bawah subdomain Sam'iyat. Hal yang sama bagi kata maksum yang dapat diklasifikasikan ke dalam subdomain Nubuwah & Risalah dan juga subdomain Sam'iyat. Pengklasifikasian ini berlaku berdasarkan perkongsian komponen makna bersama, iaitu [-berdosa] seperti dalam KDP.

maksum (bkn nabi) bersifat terpelihara drp perbuatan yg mendatangkan dosa.
(KDP, 2021, p. 1395)

Takrifan tersebut hanya dikhususkan berkenaan dengan nabi. Walau bagaimanapun rujuk silang pada kata Malaikat memperlihatkan komponen makna bersama [-berdosa] yang diparafrasakan seperti berikut:

malaikat makhluk yg diciptakan Allah drp cahaya, tidak mempunyai nafsu serta sentiasa patuh pd perintah-Nya.
(KDP, 2021, p. 1396)

Parafrasa merupakan satu bentuk ungkapan

makna perkataan atau frasa dengan menggunakan perkataan atau frasa lain, seperti yang ditakrifkan oleh Richards & Schmidt (2010), iaitu “*an expression of the meaning of a word or phrase using other words or phrases, often in an attempt to make the meaning easier to understand*”. Parafrasa ini merupakan salah satu prosedur linguistik yang digunakan dalam analisis komponen seperti mana yang dinyatakan oleh Nida (1975), iaitu “*the actual linguistic procedures employed in componential analysis consist of four type: naming, paraphrasing, defining, and classifying*”. Dalam konteks ini parafrasa diperlihatkan dengan takrifan ‘sentiasa patuh pd perintah-Nya’ yang membawa maksud yang sama dengan ‘terpelihara drp perbuatan yg mendatangkan dosa’. Oleh itu, kata maksum dalam subdomain Sam'iyat secara jelas dapat diklasifikasikan di bawah Malaikat kerana kepatuhannya pada perintah Allah secara langsung membuatkan dirinya terpelihara daripada perbuatan yang mendatangkan dosa sama seperti nabi. Jelaslah, komponen makna yang dikongsi secara bersama adakalanya telah diprafrasakan dengan masih lagi mengekalkan makna yang sama. Hubungan intrasubdomain bagi kata maksum ini dapat diperlihat secara jelas dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3: Hubungan intrasubdomain antara subdomain Nubuwah & Risalah dan Sam'iyat

Hiponim (Subdomain)	Ilahiah	Nubuwah & Risalah		Sam'iyat	
Kohiponim (Sub-subdomain)		Sifat-sifat		Malaikat	
Contoh Perkataan		maksum		maksum	

Jadual 3 memperlihatkan hubungan intrasubdomain bagi kata maksum yang terdapat dalam subdomain Nubuwah & Risalah yang dalam masa yang sama dapat berada dalam subdomain Sam'iyat. Kata maksum ini dapat dirujuk sebagai sifat-sifat nabi dan rasul di bawah subdomain Nubuwah & Risalah dan juga dapat dirujuk sebagai sifat-sifat Malaikat di bawah subdomain Sam'iyat.

Intrasub-subdomain

Hubungan intrasub-subdomain ini pula berlaku apabila satu kata daripada sub-subdomain yang berbeza dapat melangkaui sub-subdomain yang lain di bawah satu subdomain yang sama, misalnya kata al-Quran dalam subdomain Nubuwah & Risalah yang dapat diklasifikasikan ke dalam sub-subdomain Kitab dan sub-subdomain Mukjizat. Pengklasifikasian ini berlaku adalah berdasarkan takrifan yang berikut:

al-Quran 1 wahyu Allah yg diturunkan kpd Nabi Muhammad SAW melalui Jibril secara berperingkat utk disampaikan kpd sekalian manusia dan jin sbg panduan hidup di dunia; **2** kitab suci terakhir yg mengandungi wahyu Allah dan antara lain dikenali juga dgn nama al-Kitab, al-Furqan, al-Tanzil dan al-Dzikr: *Kita hendaklah memuliakan al-Quran dgn menyimpannya di tempat yg bersih.*

(KDP, 2021, p. 68)

Pada takrifan kata al-Quran yang tersebut ternyata tidak terdapat mana-mana pernyataan yang merujuk pada mukjizat secara langsung. Walau bagaimanapun,

apabila rujuk silang dilakukan pada perkataan mukjizat dalam KDP telah ditemukan bahawa al-Quran merupakan mukjizat yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW seperti berikut:

mukjizat 1 sst benda yg dimiliki atau kejadian luar biasa yg ditunjukkan oleh nabi atau rasul sbg tanda kerasulan atau kenabian mereka: *Al-Quran ialah mukjizat yg dikurniakan kpd Nabi Muhammad SAW.* • *Pelbagai mukjizat ditunjukkan oleh Nabi Isa a.s utk membuktikan kerasulan baginda.* **2** kelebihan dan keajaiban sst, mis **al-Quran dan ayat-ayatnya:** *Ceramah ini menerangkan mukjizat al-Quran yg telah dibuktikan oleh kajian sains.*

(KDP, 2021, p. 1490)

Berdasarkan takrifan Mukjizat ini, polisem yang pertama secara jelas memberi percontohan bahawa al-Quran ialah mukjizat yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW. Selain itu, polisem yang kedua juga secara jelas merujuk al-Quran dan ayat-ayatnya sebagai mukjizat yang merupakan kelebihan dan keajaiban sesuatu. Sehubungan itu, kata al-Quran ini juga dapat diklasifikasikan ke dalam sub-subdomain Mukjizat di bawah subdomain yang sama dengan sub-subdomain kitab, iaitu subdomain Nubuwah & Risalah. Hubungan intrasub-subdomain bagi kata al-Quran ini dapat diperlihat secara jelas dalam Jadual 4 berikut.

Jadual 4: Hubungan intrasub-subdomain antara mukjizat dan kitab di bawah subdomain Nubuwah & Risalah.

Hiponim (Subdomain)		Nubuwah & Risalah		
Kohiponim (Sub-subdomain)	Nama & Gelaran	Sifat-sifat	Mukjizat	Kitab
Contoh Perkataan			al-Quran	al-Quran

Jadual 4 memperlihatkan hubungan intrasub-subdomain bagi kata al-Quran yang dapat diklasifikasikan dalam sub-subdomain Mukjizat dan sub-subdomain Kitab di bawah subdomain Nubuwah & Risalah. Kata al-Quran ini dapat dirujuk sebagai mukjizat dan juga kitab yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW.

Hal yang sama bagi kata qarin yang dapat diklasifikasikan ke dalam sub-subdomain Malaikat dan juga sub-subdomain Jin & Syaitan di bawah subdomain Sam'iyat. Ini berlaku berdasarkan dua polisem yang berikut:

qarin 1 jin yg dicipta oleh Allah sbg pendamping manusia sejak lahir hingga meninggal dunia, yg mengajak manusia ke arah kejahanan; **2** dua malaikat yg diciptakan oleh Allah dan ditugaskan utk mencatatkan segala amalan baik dan buruk manusia.

(KDP, 2021, p. 1790)

Kata qarin dalam polisem yang pertama dapat diklasifikasikan ke dalam sub-subdomain Jin & Syaitan, sementara kata qarin dalam polisem yang kedua pula dapat diklasifikasikan ke dalam sub-subdomain Malaikat. Ini berlaku kerana kata qarin

dalam kedua-dua sub-subdomain ini memperlihatkan perkongsian komponen makna bersama, iaitu [+ciptaan Allah]. Qarin dalam sub-subdomain Jin & Syaitan merujuk pada ciptaan Allah yang mengajak manusia ke arah kejahanan, manakala qarin dalam sub-subdomain Malaikat pula merujuk pada ciptaan Allah yang mencatat amalan baik dan buruk manusia.

Rujukan qarin sama ada sebagai jin ataupun malaikat ini dapat diperkuuhkan lagi berdasarkan perbincangan Mohamad Razif (2020), iaitu takrifan sedemikian juga turut dinyatakan di dalam sumber-sumber lain seperti *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith*, 2/447; Riwayat Ahmad, no. 3648; Surah al-Zukhruf, ayat 36; Surah Fussilat, ayat 25; Surah Qaf, ayat 23-27; Riwayat Muslim, no. 2814; Tafsir *al-Tabari*, 13/201, 203; *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, 19/447; dan Tafsir *al-Qur'an al-'Azim*, 13/191-192 yang telah dirujuk dalam kupasan pendefinisian qarin di laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Hubungan intrasub-subdomain bagi kata qarin ini dapat diperlihat secara jelas dalam Jadual 5 berikut.

Jadual 5: Hubungan intrasub-subdomain antara sub-subdomain Malaikat dan Jin & Syaitan di bawah subdomain Sam'iyat.

Hiponim (Subdomain)		Sam'iyat		
Kohiponim (Sub-subdomain)	Malaikat	Hari Kiamat & Akhirat	Qadak & Qadar	Jin & Syaitan
Contoh Perkataan	qarin			qarin

Jadual 5 memperlihatkan hubungan intrasub-subdomain bagi kata qarin yang

dapat diklasifikasikan dalam sub-subdomain Malaikat dan Jin & Syaitan di

bawah subdomain Sam‘iyat. Kata qarin ini dapat dirujuk sebagai malaikat dan juga jin yang diciptakan oleh Allah berdasarkan kepada bidang tugas masing-masing.

Secara keseluruhannya, hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain yang ditemukan dalam pengklasifikasian domain semantik Akidah ini berpunca daripada hubungan makna polisem kata yang dirujuk dan proses rujuk silang yang dilakukan antara kata dalam subdomain yang berkenaan. Situasi ini memperlihatkan bahawa berlakunya kekaburan takrifan dalam KDP sehingga proses rujuk silang perlu dilakukan bagi mendapatkan makna yang berhubungan. Rujuk silang berlaku bertitik tolak daripada takrifan yang diparafrasakan dalam KDP misalnya yang berlaku pada takrifan kata maksum dan malaikat; dan kata al-Quran dan mukjizat. Analisis domain semantik Akidah ini membuktikan bahawa kata-kata dalam sistem bahasa saling berkaitan antara satu sama lain dan kata-kata tersebut membentuk hubungan makna yang tertentu.

Kesimpulan

Pemetaan domain semantik Akidah memperlihatkan bahawa hubungan makna berlaku dalam subdomain Ilahiyah, Nubuwah & Risalah dan Sam‘iyat. Hubungan makna ini merujuk kepada hubungan intrasubdomain dan juga intrasub-subdomain antara perkataan-perkataan yang wujud dalam subdomain yang berkenaan. Ini bertitik tolak daripada hubungan makna polisem kata yang dirujuk dan proses rujuk silang yang dilakukan antara kata yang berkenaan. Takrifan makna yang berpolisem dan proses rujuk silang ini memperlihatkan kekaburan takrifan yang berlaku dalam KDP dan MW. Sehubungan itu pemetaan domain semantik Akidah ini memperlihatkan bahawa takrifan Akidah tidak seharusnya terbatas kepada takrifan KDP dan MW sebaliknya pandangan sarjana Islam tempatan perlu diambil kira dalam pentakrifan yang

diberikan.

Pemetaan domain semantik Akidah ini dapat dimanfaatkan dalam penghayatan terhadap kepercayaan kepada agama Islam yang berhubungan dengan syariah dan akhlak seseorang Muslim. Sehubungan itu, cabaran dalam memahami takrifan Akidah dan domainnya yang bersifat umum pada masa ini dapat diperhalusi dengan proses pemetaan domain semantik yang dilakukan.

Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai oleh Geran FRGS/1/2021/SSI0/UM/02/11 yang bertajuk “Pengklasifikasian Domain Semantik Kosa Kata Pinjaman Bahasa Arab dan Korelasinya dengan Kod Jawi”.

Rujukan

- al-Mu‘jam al-Wasīt*. (2011). Majma‘ al-Lughah al-‘Arabīyah.
- Atmawati, D. (2021). The semantic field of *ngethok* 'to cut' and sociocultural factors in Javanese society: Sociosemantic study. *Journal of Language and Literature*, 21(2), 429-438.
- Boholm, M. (2017). The semantic field of risk. *Safety Science*, 92, 205-216.
- Brown, K., & Miller, J. (2013). *The Cambridge Dictionary of Linguistics*. Cambridge University Press.
- Butar, B. P. B. (2021). *The word formation and semantic domains in Covid-19 sections in WHO website*. [Master’s thesis, Universitas Sanata Dharma Yogyakarta]. Universitas Sanata Dharma Yogyakarta Repository. https://repository.usd.ac.id/39024/2/174214170_full.pdf
- Fauzan, S. (1999). *Kitab Tauhid*. Jilid 3. Dar Haq.
- Filyasova, Yu. A. (2022). A Semantic Field of Perfectionism as a Social and Psychological Concept in Academic Discourse. *RUDN Journal of*

- Language Studies, Semiotics and Semantics*, 13(2), 382-395.
- Haji Said Haji Ibrahim. (1996). *Aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah*. Darul Ma'rifah.
- Hilmi, H. S., & Loren, F. T. A. (2019). Medan makna aktivitas tangan dalam bahasa Sasak Dialek Ngeno-Ngene. *Ranah: Jurnal Kajian Bahasa*, 8(1), 53-75.
- Hishomudin Ahmad, Norfarhana Abdul Ghafar & Munjid Mustafa Bahjat. (2017). Teks prosa Zarzuriyyat Ibn Fakhaar: Analisa korpus bertema berdasarkan Teori Medan Makna. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(3), 21-31.
- Hutasuhut, A., & Waridah, W. (2019). Semantic domain of hand activity to hold in mandailing language. *Budapest International Research and Critics Institute (BIRCI-Journal): Humanities and Social Sciences*, 2(4), 344-353.
- Indirawati Zahid. (2020). Domain Semantik, Kata Kerja dan Kolokasi dalam Iklan Produk Kecantikan Wanita. *Issues in Language Studies*, 9(1), 28-50.
- Indirawati Zahid. (2021). *Makna: Konsep dan komunikasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Isnariah Idris. (2018). *Medan semantik hati budi Melayu berdasarkan warkah Melayu lama*. (Unpublished Doctoral dissertation). Universiti Putra Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim Tamuri. (2011). *Dasar akidah Muslim*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan Perdana*. (2021). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1991). *Teori Semantik* (A. R. Zaiton, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1977).
- Lehrer, A. (1974). *Semantic field and lexical structure*. North-Holland Publishing Company.
- Lehrer, A. (1985). The influence of semantic fields on semantic change. In Fisiak, J. (Ed.), *Historical semantics, historical word formation* (pp. 283-296). Mouton Publishers.
- Matthews, P. H. (2014). *Oxford concise dictionary of linguistics* (3rd ed.). Oxford University Press.
- Mohamad Habibi Saleh, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Rozita Che Rodi. (2021). Medan makna ‘Memperhebatkan Pemberantasan Rasuah’ dalam ungkapan ‘Malaysia Baru’ Mei 2018. *Persatuan Linguistik Malaysia*, 25(1), 100-117.
- Mohamad Razif. (2020, April 7, 2022). al-Afkar #102: Definisi qarin. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/4248-al-afkar-102-definisi-qarin>
- Mohd Haidhar Kamarzaman. (2018). *Pemikiran akidah Shaykh Shams al-Din al-Sumatera'i*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nizam Sahad. (2014). *Tafsir maudhu'iy: akidah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nizam Sahad. (2019). *Pemikiran mengenai Ilahiyyat sejarah perkembangan dan aliran akidah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nida, E. A. (1975). *A componential analysis of meaning: An introduction to semantic structures*. The Hague.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2018). “Hati” dalam medan makna emosi menerusi karya agung pantun Melayu. In Indirawati Zahid & Norhayati Ab Rahman Pramono (Eds.), *Khazanah Melayu serumpun dalam era baharu* (pp. 16-36). Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu

Universiti Malaya.

- Rachmayanti, N. A., Muhlason, M., Hakim, M. L., Jannah, R. A., & Wulandari, B. (2018). Analisis medan makna leksem “memotong”. *Konvergensi Sains & Humaniora*, 1(1), 185-197
- Richards, J. C., & Schmidt, R. (2010). *Dictionary of language teaching and applied linguistics* (4th ed.). Longman.
- Toni, E. A., Siwa, Y. N., & Sombo, I. T. (2021). Semantic Mapping of the Name Flora and Fauna at Danau Laut Mati Tasi Ana' in Landu Dialect of Rote Language. *Jurnal Sains dan Humanoria*, 11(1), 54-68.
- Wafi Othman. (2012). Zat dan sifat Allah menurut Abu Al-Hasan Al-Ash'ari. *Jurnal KIAS*, 7(1), 1-17.
- Zakaria Stapa. (1998). Kepercayaan Kepada Yang Ghaib: Tumpuan Khusus Kepada Peranan Makhluk Jin dalam Kehidupan Makhluk Manusia. *Jurnal Usuluddin*, 7, 47-74.
- Zaleha Kamaruddin, & Raihana Abdullah. (2002). *Kamus istilah undang-undang keluarga islam*. Zebra Editions Sdn. Bhd.